

Arahan: Jawab semua soalan dalam setiap bahagian.

BAHAGIAN A

[15 markah]

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Filem terbaharu arahan pengarah muda itu telah mendapat _____ daripada para penggemar filem tempatan.
A imbuhan
B ganjaran
C sambutan
D pandangan
- 2 Kak Dila mahu _____ semua kerjanya sebelum dia bercuti panjang mulai esok.
A menyempurnakan
B melengkapkan
C menamatkan
D menyiapkan

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betulnya.

- 3 I Saya kenal *benar* akan pemuda itu kerana dia sekampung dengan saya.
II Sejak kecil lagi Syazwan dididik oleh ibunya supaya sentiasa bercakap *benar*.
III Azri *benar* insaf akan perbuatannya terhadap kedua-dua ibu bapanya selama ini.
IV Nasihat daripada penceramah itu telah meninggalkan kesan yang *benar* dalam hati kami.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 4 I Kotak berisi buku yang agak *ringan* itu dapat diangkat oleh Hanani dengan mudahnya.
II Masalah keruntuhan moral dalam kalangan remaja tidak sewajarnya dipandang *ringan* oleh masyarakat.
III Pengambilan makanan *ringan* dalam kalangan kanak-kanak perlu dielakkan kerana dapat memudaratkan kesihatan mereka.
IV Taklimat *ringan* yang diberikan oleh ketua pasukan bola sepak sekolah dapat meningkatkan semangat mereka sebelum memulakan perlawanan.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 5 Pelbagai kemudahan telah kerajaan sediakan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat di negara ini.
- A Berbagai kemudahan telah disediakan oleh kerajaan
 - B Pelbagai kemudahan telah disediakan oleh kerajaan
 - C Pelbagai kemudahan kerajaan telah sediakan
 - D Pelbagai kemudahan telah kerajaan sediakan
- 6 Puan Nadhirah tidak menduga bahawa perniagaan yang diusahakannya akan mendapat sambutan yang sangat baik daripada orang ramai.
- A tidak duga bahawa
 - B tidak menduga yang
 - C tidak duga yang
 - D tidak menduga bahawa

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 7 I Baju kurung yang berwarna biru laut itu sangat cantik malahan harganya agak mahal.
 II Kempen gaya hidup sihat itu kurang mendapat sambutan tambahan pula pihak penganjur tidak mempromosikan kempen tersebut.
 III Melancong ke luar negara memerlukan kos yang agak tinggi tetapi tetap menjadi pilihan orang ramai.
 IV Puan Rahimah memasak rendang sementara suaminya memasak leman untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja
- 8 I Kamarul ditugaskan oleh Cikgu Hanafi untuk menjaga kawasan kantin di waktu rehat.
 II Kak Balqis tercari-cari kunci keretanya yang tercicir ketika dia tergesa-gesa keluar pada pejabat.
 III Para usahawan perlu mencari peluang untuk memasarkan pelbagai produk keluaran mereka ke pasaran antarabangsa.
 IV Hadiah daripada anak-anak muridnya sempena sambutan Hari Guru disimpan dengan kemasnya di dalam almari perhiasan.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 9 Pendapatan para penoreh getah di kampung itu terjejas apabila mereka tidak dapat menoreh getah kerana hujan lebat dan banjir.
- A Hujan lebat dan banjir di kampung itu telah menggugat pendapatan mereka dan para penoreh.
 - B Oleh sebab tidak dapat menoreh getah di kampung itu, pendapatan mereka dan para penoreh getah tergugat.
 - C Akibat tidak dapat menoreh getah kerana hujan lebat dan banjir, pendapatan para penoreh getah di kampung itu tergugat.
 - D Mereka tidak dapat menoreh getah di kampung itu kerana hujan lebat dan banjir hingga menggugat pendapatan para penoreh getah.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 10 Segelintir remaja gemar memilih rakan yang dapat memahami jiwa dan kehendak mereka. Oleh itu, hubungan mereka dengan rakan tersebut terjalin dengan eratny dan mereka dapat berkongsi pelbagai cerita.

Kedadaan ini sesuai dengan peribahasa

- A bagai aur dengan tebing.
- B bagai langit dengan bumi.
- C bagai lesung dengan antan.
- D bagai cincin dengan permata.

Soalan 11 – 15 berdasarkan bahan di bawah ini.
Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Senja di Palang Besi

Senja mula menangis
remang membongkar sendu
mengutus kuntum-kuntum serakan cahaya
berlari di celah jambangan bunga dedawai
menari mengikat ramah kekosongan
dalam kotak tidur sepi nan pedar hati.

Pilu wajahmu sang senja
yang dulu melakar bahagia
kini *merayap sayu* membelai jemari malam
dalam keterbuangan yang merangkum
dalam keterasingan yang mencengkam
dalam kesakitan yang membungkam.

Tanpa pasir pantai atau silir angin
rentet susun bibir palang besi dingin itu
menjerut resah berteleku dalam hening
bernyanyi rakus dalam kelu rasa keterkongsongan
menghantar pergi erti keriuhan
jauh di balik redup senja yang mula mengundurkan diri
bersama riak samudera jiwa bernama kesunyian
hukuman terhebat hikayat kemanusiaan.

PENA ALAM

Dipetik daripada sajak "Senja di Palang Besi",
antologi *Bintang Hati*, Tingkatan 3,
Kementerian Pendidikan Malaysia

11 Maksud rangkai kata *merayap sayu* ialah

- A bertambah susah.
- B berubah kecewa.
- C beralih malang.
- D bertukar sedih.

Pilu wajahmu sang senja
yang dulu melakar bahagia
kini merayap sayu membelai jemari malam
dalam keterbuangan yang merangkum
dalam keterasingan yang mencengkam
dalam kesakitan yang membungkam.

12 Peribahasa yang sesuai dengan rangkap sajak di atas ialah

- A yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran.
- B sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna.
- C buang yang keruh, ambil yang jernih.
- D indah khabar daripada rupa.

13 Antara berikut yang manakah **bukan** gambaran kehidupan penyajak di dalam sel penjara?

- A Perasaan penyajak sangat sunyi dan sepi
- B Hubungan penyajak dengan orang lain terputus
- C Penyajak menyesali kesilapan yang telah dilakukannya
- D Penyajak menyalahkan orang lain terhadap takdir dalam kehidupannya

14 Antara berikut yang manakah **tidak benar** tentang perasaan penyajak ketika berada di dalam sel tahanan terutamanya pada waktu malam?

- A Marah dan terkilan
- B Sunyi dan terasing
- C Sedih dan kesal
- D Sayu dan sepi

15 Berdasarkan rangkap ketiga sajak, apakah persoalan yang sesuai dengan rangkap tersebut?

- A Kebahagiaan hidup yang perlu dihargai
- B Penyesalan yang sampai ke penghujungnya
- C Penderitaan hidup yang perlu ditempuhi sendirian
- D Pengorbanan dan jasa seseorang yang perlu dihargai